

## **Statistik Penguatkuasaan**

Seperti yang dinyatakan dalam [Ringkasan Penguatkuasaan](#), kami berusaha untuk mencegah pelanggaran/ketidakpatuhan peraturan yang mungkin berlaku pada masa hadapan, mendidik peserta pasaran dan menyemai budaya pematuhan serta standard tatalaku perniagaan dan amalan tadbir urus korporat yang lebih baik melalui tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil.

Selaras dengan matlamat tersebut, kami telah sejak beberapa tahun lepas mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran peraturan-peraturan kami.

Pada tahun 2019, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 17 buah Syarikat Tersenarai Awam ("PLC"), 25 orang pengarah (dari 6 buah PLC) untuk pelbagai pelanggaran Syarat-Syarat Penyenaraian, berbanding 15 buah PLC dan 22 orang pengarah (dari 5 buah PLC) dan seorang individu lain pada tahun 2018.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak-pihak tersebut merangkumi teguran peribadi atau teguran awam berserta denda dan/atau arahan. Butiran tindakan-tindakan penguatkuasaan (teguran dan ke atas) yang dilaksanakan/diambil pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018 adalah seperti yang tertera di bawah:-

Penalti yang dikenakan	PLC		Pengarah <sup>^</sup>	
	2018	2019	2018	2019
Teguran awam dan denda	-	-	19	23
Teguran awam	10	6	4	3
Teguran peribadi	5	11	-	-
Jumlah PLC/pengarah/individu yang lain#	15	17	23	25
Jumlah denda dikenakan (RM)	-	-	4,910,400	8,655,800

# lebih daripada satu penalti / jenis penalti mungkin dikenakan terhadap seorang pengarah, PLC atau mana-mana individu lain tertakluk kepada Syarat-Syarat Penyenaraian.

<sup>^</sup> termasuk mana-mana individu lain yang tertakluk kepada Syarat-Syarat Penyenaraian.

Selain daripada penalti yang dikenakan di atas, kami juga mengeluarkan arahan kepada PLC untuk menjalankan semakan terhad ke atas laporan suku tahunan dan arahan kepada pengarah/kakitangan PLC yang berkenaan untuk menghadiri program latihan berkaitan dengan laporan kewangan dan pematuhan kepada Syarat-Syarat Penyenaraian seperti berikut:

	2018	2019
Semakan terhad ke atas laporan suku tahunan	8	8
Program Latihan Pengarah	11	10

Secara amnya, kami mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran yang berkaitan dengan aspek berikut:-

- laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan);
- kelewatan dalam membuat pengumuman penting (contohnya kegagalan membayar kemudahan kredit yang material, litigasi yang material, maklum balas tidak tepat terhadap pertanyaan mengenai Aktiviti Pasaran Luar Biasa ("Unusual Market Activity query") serta pengumuman bahawa syarikat boleh diklasifikasikan sebagai syarikat yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi/syarikat yang dibebani masalah kewangan);

- kegagalan mematuhi keperluan tadbir urus korporat (contohnya kegagalan melaksanakan fungsi audit dalaman), syarat-syarat penyenaian asing (“foreign listing requirements”), arahan-arahan Bursa Malaysia Securities Berhad; dan
- syarat-syarat bagi transaksi pihak yang berkaitan (“related party transactions”).

Kami memandang serius terhadap pelanggaran berkaitan dengan laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan) kerana penyata kewangan yang dikemukakan dengan tepat mengikut masa yang ditetapkan adalah sangat penting bagi membantu dalam membuat keputusan pelaburan serta memastikan pasaran yang saksama dan teratur untuk sekuriti yang didagangkan di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, penerbit tersenarai telah mencatatkan peningkatan yang ketara dari aspek pematuhan oleh PLC terhadap keperluan tersebut, berdasarkan penurunan melebihi 50% untuk kesalahan sebegini sejak tahun 2008 (tahun kami mula mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan pengarah yang lebih ketat).

Bagi kesalahan melanggar Peraturan Perniagaan, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap syarikat (iaitu Organisasi Peserta, Peserta Dagangan, dsb.) dan Orang Berdaftar atau individu yang tertakluk pada Peraturan Perniagaan dan tindakan-tindakan penguatkuasaan utama adalah berkenaan dengan kesalahan-kesalahan penyeliaan dan salah laku pasaran/dagangan oleh Orang Berdaftar.

Butiran tindakan-tindakan penguatkuasaan (teguran dan ke atas) yang diambil terhadap kesalahan melanggar Peraturan Perniagaan pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018 adalah seperti berikut:-

Jenis tindakan yang diambil #	Bil. Syarikat		Bil. Orang Berdaftar/Individu*		Jumlah	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Teguran peribadi dan/atau arahan	1	3	-	-	1	3
Teguran peribadi, denda/denda tertanggung, penggantungan dan/atau latihan wajib	-	-	-	2	-	2
Teguran awam, denda/denda tertanggung, penggantungan/penggantungan tertanggung/penyingkiran dan/atau latihan wajib	-	-	7	2	7	2
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>7</b>
<b>Jumlah denda dikenakan (RM)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>312,100</b>	<b>127,700</b>	<b>312,100</b>	<b>127,700</b>

# lebih daripada satu tindakan mungkin telah dikenakan terhadap syarikat atau Orang Berdaftar/individu.

\* termasuk individu-individu yang tertakluk pada Peraturan Perniagaan, contohnya Peserta Tempatan di bawah Peraturan Bursa Malaysia Derivatives Bhd.

Pada tahun 2019, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 2 buah syarikat (berbanding sebuah syarikat pada tahun 2018) dan 4 Orang Berdaftar (berbanding 7 orang pada tahun 2018) untuk pelbagai pelanggaran Peraturan Perniagaan.

Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2019 termasuk teguran (awam dan peribadi), penggantungan, keperluan untuk menghadiri latihan serta denda berjumlah RM127,700 (berbanding RM312,100 pada tahun 2018). Pada tahun 2019, tindakan-tindakan penguatkuasaan utama yang diambil melibatkan kesalahan pasaran (“market offences”) berkenaan dengan aktiviti-aktiviti perdagangan manipulatif/palsu dan kesalahan bukan pasaran (“non-market offences”) yang melibatkan seorang Peserta Tempatan (yang dilarang daripada menjalankan perdagangan dalam

kontrak bagi pihak lain) yang telah menjalankan perdagangan dalam kontrak bagi pihak ketiga dan terlibat dalam persetujuan untuk berkongsi keuntungan dengan pihak ketiga.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendidik para peserta pasaran, memaklumkan kepada pasaran mengenai jenis-jenis tindakan yang diambil, menyemai keyakinan pasaran dan memastikan ketelusan dalam tindakan-tindakan penguatkuasaan kami, maklumat mengenai kesalahan-kesalahan pelanggaran Peraturan-peraturan kami yang biasa berlaku ada dimuat naik di [laman web](#) kami. Bagi tindakan-tindakan yang melibatkan [teguran awam](#), kenyataan media (bersama dengan asas keputusan berkenaan pelanggaran tersebut) turut dikeluarkan.